

# SEJARAH PERKEMBANGAN DAN SUMBANGAN INSTITUSI TAHFIZ DI NEGERI PERAK: KAJIAN TERHADAP SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR)

## *THE HISTORY OF DEVELOPMENT AND CONTRIBUTION OF TAHFIZ INSTITUTIONS IN THE STATE OF PERAK: A STUDY ON SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR)*

Khadijah Abdullah<sup>1</sup>  
Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh<sup>2\*</sup>  
Ahmad Rozaini Ali Hasan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak.  
(E-mail:kha941023@gmail.com)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak.  
(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak.  
(E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

\*corresponding author

### Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

### To cite this document:

Abdullah, K., Yusof @ Salleh, M. Y., & Ali Hasan, A. R. (2024). Sejarah perkembangan dan sumbangan Institusi Tahfiz di Negeri Perak: Kajian terhadap Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 297 -307.

**Abstrak:** Negeri Perak terkenal sebagai negeri yang melahirkan ulama' terkenal di Malaysia antaranya ialah Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi, Tuan Guru Syeikh Ismail Alang, Syeikh Nawawi Janggut Merah, Syeikh Tahir Jalaluddin, Tuan Guru Syeikh Abu Bakar Baqir dan Syed Jalaluddin Syed Abdul Majid. Negeri Perak juga terkenal dengan rangkaian pondok dan madrasah yang terkenal yang diasaskan oleh para cendekiawan setempat. Perkembangan Islam yang rancak menyebabkan penubuhan institusi-institusi tahfiz seperti Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak dan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Addin yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan Islam di Negeri Perak. Dalam perkembangan kurikulum tahfiz arus perdana, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di tubuhkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak dengan kerjasama kerajaan negeri Perak untuk menyediakan platform bagi pelajar di peringkat menengah. Namun begitu, kajian berkaitan sejarah SMTDR amat berkurangan. Kajian ini bertujuan menjelaskan secara terperinci sejarah perkembangan SMTDR serta sumbangannya di negeri Perak. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan yang berasaskan metode temubual dan pemerhatian. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik. Hasil dapatan kajian merumuskan SMTDR menyumbang pada melahirkan huffaz yang berdaya saing dalam pembentukan sebuah negara. Kajian ini mencadangkan kajian lanjutan tentang sumbangan alumni SMTDR pada agama, bangsa dan negara.

**Kata kunci:** *Tahfiz, Qiraat, Perak & SMTDR.*

**Abstract :** *The state of Perak is known for producing renowned scholars in Malaysia including Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi, Tuan Guru Syeikh Ismail Alang, Sheikh Nawawi Janggut Merah, Syeikh Tahir Jalaluddin, Tuan Guru Syeikh Abu Bakar Baqir, and Syed Jalaluddin Syed Abdul Majid. Perak is also famous for its network of well-known Islamic schools and madrasahs founded by local scholars. The rapid development of Islam has led to the establishment of prominent tahfiz institutions such as Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak and Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Addin, which have made significant contributions to the development of Islam in Perak. In current tahfiz curriculum development, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) was established by the Department of Islamic Affairs of Perak in collaboration with the Perak state government to provide a platform for students at the secondary level. However, research on the history of SMTDR is limited. This study aims to provide a detailed explanation of the history of the development of SMTDR and its contribution in the state of Perak. To achieve this objective, the study will combine literature review and field research based on interview and observation methods. Qualitative data collected will be thematically analyzed. The findings of the study conclude that SMTDR contributes to the production of competitive huffaz in shaping a nation. This study suggests further research on the contributions of SMTDR alumni to religion, race, and the nation.*

**Keywords:** *Tahfiz, Qiraat, Perak & SMTDR.*

## **Pendahuluan**

Perak Darul Ridzuan adalah salah satu negeri yang terletak di semenanjung tanah Melayu. Negeri ini merupakan kedua yang terbesar selepas negeri Pahang jika ditinjau dari keluasannya di semenanjung Malaysia. Seperti yang diketahui umum, Perak juga sangat dikenali dengan kekayaan bumi hasil daripada penemuan bijih timah bahkan juga menjadi pusat perdagangan awal abad ke-5 (Megat, Mohd & Suffian 2020). Dalam masa yang sama, Perak juga antara negeri yang masyhur dengan para alim ulama dan pejuang Melayu Islam. Penulis kitab *Bahrul Mazi* dan Kamus Idris al-Marbawi antara barisan ulama yang sangat popular dalam kalangan penuntut ilmu yang menjadikan kitab tersebut sebagai rujukan dan panduan sehingga ke hari ini (Muhd, Mohamad, Fatimah & Azmi 2018). Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf Al-Marbawi berasal dari Kuala Kangsar. Nama Ulama berikutnya adalah Tuan Guru Syeikh Ismail Alang Muhammad al-Kholidi dan Syeikh Nawawi Janggut Merah yang mana kedua-dua ulama ini sangat berpengaruh di Perak. Seterusnya nama ialah Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki yang telah dilantik oleh Sultan Idris pada tahun 1900 sebagai pemeriksa kiblatah Masjid Negeri Perak (Kamarul, Muhammad & Ibrahim 2019), Syeikh Abu Bakar al-Baqir yang berperanan penting dalam perjuangan memerdekakan Tanah Melayu (Ahmad & Jamaluddin 2020), dan akhir sekali Syed Jalaluddin Syed Abdul Majid atau dikenali sebagai Tok Tambak Pulau Pisang yang menjadi Penasihat Agama Sultan sekitar tahun 1756 – 1770 (Syed Salim 2021).

Di negeri Perak, aktiviti penyebaran Islam telah berpusat di beberapa daerah seperti daerah Kerian, Gunung Semanggol, Kuala Kangsar dan Bagan Datoh yang mana daerah tersebut telah didirikan pondok dan madrasah dalam menjalankan kegiatan pendidikan agama kepada masyarakat (Ishak & Khairi 2022). Sebelum Malaysia meniti arus kemerdekaan, para alim ulama dan cendekiawan telah membina sistem pondok dan madrasah untuk pendidikan agama yang sebelum itu telah diasaskan di rumah guru, surau dan istana raja. Menurut catatan sejarah, pada abad yang ke-14 sistem institusi pondok dan madrasah berkembang pesat ke tempat-

tempat jajahan penguasaan kesultanan Melayu seperti Riau, Brunei, Kedah dan beberapa tempat yang lain (Nur Atiqah & Ong Puay, 2018). Sistem pendidikan Islam secara sistematik mula diperkenalkan pada tahun 1975 (Mohd Roslan & Wan Mohd 2011). Pada ketika ini, pengajian berteraskan al-Quran mulai berkembang luas. Kajian oleh Muhammad, Mohd Rashidi & Muhammad Amirul (2021) menyatakan permulaan abad ke-15 hingga ke-17, kelas pengajian al-Quran diajar oleh para guru dan ulama di kampung-kampung yang majoriti mereka adalah daripada keluarga yang berketurunan Sayyid. Kelas-kelas al-Quran telah berkembang daripada sekadar membaca al-Quran kepada hafalan al-Quran disebabkan masyarakat mulai diberi pendedahan akan kelebihan dan kepentingan hafazan al-Quran. Dalam pada itu, berdasarkan kajian oleh Anis dan Sabri (2017) menyatakan hafazan al-Quran telah menjadi pilihan ibu bapa kini disebabkan kesan yang positif terhadap kecemerlangan anak-anak.


Penubuhan institusi tahfiz mula diusulkan oleh Perdana Menteri yang pertama Tuanku Abdul Rahman pada tahun 1966 (Zaid, Redha & Firdaus 2022). Institusi tahfiz ini ditempatkan di Masjid Negara yang kemudiannya dinamakan sebagai Darul Quran pada tahun 1997 (Murihah, Arieff, Abdul & Mohd 2015) dan perkembangan ini diikuti Oleh Negeri Kelantan pada tahun 1979, kemudian pada tahun 1980-an muncul institusi tahfiz di negeri Terengganu, Perak, Perlis, Kedah, dan Selangor. Manakala Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah pada awal 1990 dan seterusnya di Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1996 (JAKIM, 2020). Secara amnya, pengajian tahfiz terbahagi kepada dua iaitu kerajaan dan swasta yang masing-masing bermatlamat dalam melahirkan huffaz yang berjaya duniawi dan ukhrawi namun dari segi kaedah pendidikan tahfiz mungkin berbeza dan mempunyai *manhaj* dan sukatan yang tersendiri (Solahuddin 2018). Kini, pendidikan dalam bidang tahfiz terus berkembang diterajui oleh pelbagai badan seperti majlis agama Islam negeri, jabatan agama Islam negeri, badan bukan kerajaan atau NGO dan institusi tahfiz swasta. Malahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga Majlis Amanah Rakyat (MARA) daripada agensi kerajaan juga turut bersama dalam memperkenalkan pendidikan tahfiz (DPTN JAKIM 2021).

Maahad Tahfiz Negeri al-Quran Wal-Qiraat Negeri Perak telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 1999. MTQN Perak adalah salah sebuah tahfiz di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Perak yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan merupakan institusi tahfiz tertua di negeri tersebut. Sebelum tahun 2000, Maahad Tahfiz Negeri al-Quran wal-Qiraat Negeri Perak telah ditempatkan di beberapa penempatan seperti bangunan asrama Masjid India Muslim, asrama rumah kerajaan di Jalan Koo Chu Kong dan di rumah Imam Masjid Negeri Perak. Selepas satu dekad, pelajar-pelajar tahfiz dipindahkan pula ke bangunan Institut Baitulmal disebabkan pertambahan jumlah kemasukan pelajar tahfiz serta keadaan asrama yang uzur untuk diduduki. Dengan keadaan sedemikian, pelbagai usaha dilakukan bagi membina bangunan yang baharu dan sesuai untuk penuntut agama dalam meneruskan pembelajaran mereka. Maka atas faktor-faktor tersebut, tertubuhlah bangunan Institut Tadbir Islam Perak (INTIM) hasil dari sokongan dan usaha pelbagai pihak yang terlibat dalam menjadikan INTIM sebagai penempatan Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat yang baru di peringkat diploma (JAKIM, 2020). Dalam masa yang sama, Kerajaan Perak juga telah menguruskan tahfiz di peringkat sekolah menengah yang terdiri daripada kerajaan negeri sendiri iaitu seperti SMTDR manakala agensi swasta pula contohnya Maahad Tahfiz Addin. Kajian Fathiyah et.al. (2019) menyatakan permulaan sekolah tahfiz di peringkat menengah adalah dari cetusan idea Yayasan Islam Terengganu dalam menubuhkan Sekolah Imtiaz sebagai sekolah menengah tahfiz yang kemudian telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Mengikuti laporan audit Perak tahun 2021, maahad tahfiz swasta Perak yang beroperasi adalah sebanyak 128 buah. Dari jumlah tersebut, 93 buah maahad tahfiz swasta sudah didaftarkan di bawah JAIPk. Menurut statistik JAIPk, maahad tahfiz swasta pada tahun 2024 telah bertambah sebanyak dua buah sekolah (JAIPK, 2024). Manakala tahfiz sekolah menengah di bawah Kerajaan Negeri pada tahun 2024 sudah mempunyai 5 buah sekolah antaranya adalah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Manjung, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Kerian, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Lenggong, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang dan akhir sekali Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Tambun yang telah siap pada tahun 2023. Dijangkakan akan ada lagi SMTDR baru pada tahun-tahun berikutnya sesuai dengan hasrat kerajaan perak dalam pelaksanaan satu daerah satu sekolah tahfiz di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Perak (JAKIM, 2020).

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai pendekatan kajian. Penulisan ini menggunakan tiga instrumen kualitatif iaitu analisis dokumen, temubual dan pemerhatian. Analisis dokumen memfokuskan kajian literatur terhadap literatur sedia ada daripada jurnal-jurnal elektronik dan buku. Kajian lapangan yang berasaskan metode temubual juga dilaksanakan terhadap 4 informan. Selain itu, pemerhatian juga dilaksanakan di SMTDR. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan hasil kajian.



**Rajah 1: Rajah Metode Kajian**

### Sorotan Literatur

Dayangku Nur Aqilah (2023) dalam kajiannya yang bertajuk Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Subjek Hifz Al-Quran Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak menyatakan analisis yang dibuat berada pada tahap sederhana tinggi yang mana pengkaji menggunakan empat kaedah iaitu ujian tasmik, semakan pengekalan juzuk lama, ujian bagi hafazan lama dan peperiksaan rasmi. Tahap persepsi pelajar dari sudut pentaksiran dalam subjek hifz al-quran yang dilakukan di sekolah serta impak keberkesanan teknik pentaksiran dalam meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar juga berada di tahap sederhana tinggi. Mohd Zaini dalam tesisnya yang bertajuk Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat Dan Penguasaan Bacaan Qiraat

Pelajar Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Perak (2022) menyatakan bahawa tahap pencapaian pelajar di institusi tahfiz seluruh negeri Perak dalam pembelajaran ilmu Qiraat berdasarkan kajian keseluruhan berada pada tahap yang sederhana tinggi. Kajian yang terperinci terhadap bacaan qiraat, alat bantu mengajar dalam pembelajaran ilmu Qiraat, *talaqqi*, *musyafahah*, *sanad*, dan penguasaan sejarah imam Qiraat juga berada pada tahap sederhana. Manakala pengetahuan tentang asas Qiraat pelajar tahfiz pula berada ditahap yang tinggi. Pengkaji tesis ini juga menyatakan ilmu Qiraat yang dipelajari oleh mereka semua terangkum dalam sukatan ilmu Qiraat Sab'ah sama ada berasaskan daripada silibus Darul Quran ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan keseluruhan dari kajian ini, pengkaji tesis mendapati amalan pembelajaran ilmu Qiraat di tahap yang memuaskan dan tinggi.

Muhammad Khairul et.al (2018) dalam kajiannya yang bertajuk Peranan Maahad Tahfiz Ad-Din dalam Melahirkan Huffaz Di Negeri Perak pula tertumpu kepada pelajar tahfiz ADDIN seramai 366 orang dalam lingkungan umur 13 tahun sehingga 17 tahun. Kajian mendapati tahap proses pelaksanaan matlamat dan tujuan tahfiz ADDIN berada pada kadar yang tinggi manakala tahap kandungan yang ada di dalam kurikulum pendidikan serta masa yang diperuntukkan oleh tahfiz ADDIN berada di tahap yang rendah dan harus diperbaiki. Kajian selanjutnya oleh JAKIM (2020) dalam tajuk Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia mengisahkan tentang sejarah yang merangkumi sejarah asal usul sekolah-sekolah tahfiz di peringkat diploma dan menengah di seluruh Malaysia. Antara sejarah yang disebutkan oleh JAKIM adalah Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Negeri Perak (MTQN Perak), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) dan sejarah perkembangan maahad tahfiz swasta yang berdaftar di bawah JAIPK dalam pentadbiran Yayasan Addin. Maahad tahfiz swasta ini diberi nama sebagai Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Addin. Tuntasnya, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah SMTDR negeri Perak secara terperinci amat berkurangan dan memerlukan penyelidikan lanjutan.

## Dapatan Kajian Dan Analisis

### Sejarah SMTDR

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) ditubuhkan bagi memperkasakan sistem pendidikan agama islam serta memenuhi kemahuan rakyat negeri dan agama dalam mengutamakan pendidikan dalam bidang hafazan al-Quran, ia juga bertujuan khusus melahirkan insan yang profesional dan juga mempelbagaikan bidang pengajian agama di peringkat sekolah. Dasar penubuhan SMTDR adalah hasrat dan harapan Kerajaan Negeri Perak dalam menubuhkan sekolah yang berasaskan Pendidikan Tahfiz al-Quran yang seimbang dan seiring dengan pendidikan duniawi dan ukhrawi. SMTDR telah diletakkan di bawah pentadbiran JAIPK dalam mengurus dan menyelia urusan hal ehwal sekolah agama di negeri Perak. Cadangan penubuhan SMTDR secara rasmi pada tahun 23 mac 2009 selaras dengan hasil keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Bertitik tolak daripada itu, kertas cadangan telah dibuat oleh JAIPK atas arahan kerajaan negeri Perak dalam mewujudkan SMTDR di setiap daerah di negeri Perak (LKAN, 2021).

Pada tahun 2010, tertubuhnya SMTDR Daerah Manjung, Pulau Pangkor. Sekolah perintis bagi penubuhan SMTDR, tiga buah sekolah kerajaan negeri iaitu Sekolah Izzuddin Shah, Sekolah

Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Raja Dr. Nazrin Shah dijadikan sebagai projek rintis dalam menguji tahap potensi pelajar sains sebagai hafiz dan hafizah. Maka kelas tahfiz sains diwujudkan di ketiga-tiga sekolah tersebut sebagai percubaan awal. Seterusnya, 4 buah sekolah SMTDR yang di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri Perak ditubuhkan pula pada tahun 2012 dengan menempatkan di setiap sekolah seramai 30 orang. 4 sekolah tersebut adalah SMTDR Daerah Kerian, SMTDR daerah Lenggong, SMTDR Daerah Kuala Kangsar dan akhir sekali SMTDR Daerah Batang Padang, Tapah. Walaubagaimanapun, mengikut laporan ketua audit negara (LKAN) Negeri Perak 2021, SMTDR yang ditubuhkan masih belum mempunyai bangunan tetap dan telah beroperasi di bangunan sementara. Bagi SMTDR Daerah Kuala Kangsar, sekolah tersebut telah digabungkan dengan SMTDR Lenggong apabila bangunan SMTDR Daerah Lenggong telah siap sepenuhnya. Begitu juga dengan Projek penubuhan SMTDR Tambun dan Sungai Manik diteruskan namun SMTDR Tambun sudah mula beroperasi pada tahun 2024. Manakala pembinaan SMTDR Sungai Manik dijangka lewat dari rancangan asal berdasarkan laporan LKAN Negeri Perak 2021 (LKAN, 2021).

### Visi & Misi

Pembentukan sesuatu entiti akan mempunyai dua elemen yang penting dalam memberikan inspirasi dan tujuan utama sesebuah organisasi. Dua elemen tersebut ialah visi dan misi organisasi. Menurut Imas et.al. (2023) menyatakan bahawa visi dan misi merupakan dua elemen yang mana bukan hanya sebagai ideologi atau gagasan sahaja tanpa pelaksanaan fizikal, bahkan memerlukan pelaksanaan yang teliti dan komited kerana kedua-duanya adalah unsur yang sangat penting di institusi pendidikan seperti sekolah, universiti dan lain-lain lagi. Dalam konteks ini, penubuhan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) adalah sebuah badan yang dibangunkan pada tanggal 2 Ogos 1949 dalam memberikan pendidikan agama kepada masyarakat Perak (JAIPk, 2024). JAIPk mempunyai beberapa bahagian dalam pentadbiran. Bahagian Pendidikan, JAIPk yang diberikan tanggungjawab menyelia dan menguruskan sekolah-sekolah agama negeri, tahfiz swasta dan juga sekolah swasta yang berdaftar di bawahnya. Antara contoh sekolah tersebut adalah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA). Visi dan misi dapat memandu ahli-ahli organisasi dalam mencapai matlamat penubuhan yang mana dijadikan sebagai landskap strategik asas kejayaan. Visi Bahagian Pendidikan JAIPk ialah menjadikan negeri Perak Darul Ridzuan pusat pendidikan yang dapat melahirkan insan cemerlang dunia dan akhirat manakala misinya memantapkan sistem pendidikan di sekolah-sekolah agama supaya dapat melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan bertaqwa kepada Allah S W T. Menelusuri daripada dua unsur ini, pendidikan di Perak sangat menekankan pendidikan yang berkonsepkan Agama Islam dalam mencapai kecemerlangan bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat. Setiap SMTDR mempunyai visi dan misi yang berbeza namun dalam satu tujuan yang sama. Visi SMTDR Daerah Batang Padang ialah bertujuan membina generasi huffaz berwatak profesional dan bagi misinya pula adalah melaksanakan program pendidikan untuk melahirkan tunas intelektual huffaz yang celik al-Quran, modal insan yang relevan untuk keperluan umat dan akhir sekali sebagai pemimpin dan pendakwah. Visi dan Misi SMTDR Daerah Kerian pula ialah semarak dapat melahirkan ilmuan Islam yang hafaz al-Quran dalam tempoh 5 tahun manakala misi sekolah tersebut adalah melahirkan hafizah yang mengaplikasikan tuntutan al-Quran, membentuk jati diri yang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah, memelihara kalimah suci melalui pembacaan dan penghafalan al-Quran, melahirkan

ilmuan Islam yang mampu melakukan anjakan paradigma terhadap dunia menurut al-Quran dan as-Sunnah dan mengimbangi ilmu ukhrawi dan duniawi dengan cemerlang. Kesimpulannya, kedua-dua SMTDR ini adalah setiap sekolah tersebut mempunyai tujuan pencapaian yang sama untuk memperkukuhkan pendidikan agama Islam melalui huffaz al-Quran dalam pembentukan insan yang seimbang sesuai dengan kehendak semasa walaupun dengan penekanan dan metode tersendiri berdasarkan kepentingan dan konteks sekolah masing-masing.

### **Kurikulum Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR)**

SMTDR mengadaptasi Kurikulum Tahfiz Bersepadu (KBT) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum ini semasa awal penubuhannya, SMTDR telah mempunyai 3 kurikulum yang diselarikan secara serentak iaitu Kurikulum Tahfiz Negeri Perak, Kurikulum Arus Perdana Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kurikulum Azhariah. Namun, pada tahun 2017 SMTDR mula melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (JAKIM 2020). Menurut kajian Fawarni & Zanaton (2021) menyatakan bahawa inovasi dalam pengubalan KBT oleh KPM memberikan gambaran jelas kepada semua bahawa KPM memandang serius bagi melahirkan generasi hafiz dan hafizah yang mahir dalam semua aspek di abad ke-21 disamping unsur-unsur pendidikan STEM dikekalkan. Seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KBT telah menggabungkan dua elemen mata pelajaran tahfiz al-Quran iaitu mata pelajaran Maharat al-Quran dan Hifz al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran yang sudah tersedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (KPM, 2015).

#### 1. Mata Pelajaran Hifz Al-Quran

Pelajar yang menggunakan kurikulum KBT dikehendaki untuk menghafaz al-Quran 30 juzuk dalam tempoh yang diberikan selama lima tahun persekolahan dalam bimbingan guru-guru tahfiz yang berpengalaman. Mata pelajaran ini terkandung aktiviti-aktiviti yang sesuai dalam mendapatkan ciri-ciri pelajar yang berkualiti dan hebat dalam hafazan al-Quran iaitu *tahriri* hafazan, hafazan baru, *tahdhir*, *tasmik*, *murajaah* dan *Fiqh al- Ayat* (KPM, 2015). Sukatan juzuk hafazan adalah dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Sukatan juzuk hafazan mengikut tingkatan pelajar**

<b>Tingkatan</b>	<b>Juzuk</b>	<b>Jumlah Juzuk</b>
Satu	30,1,2,3,4,5	6
Dua	6,7,8,9,10,11,12	7
Tiga	13,14,15,16,17,18	6
Empat	19,20,21,22,23,24,25	7
Lima	26,27,28,29	4

#### 2. Mata pelajaran Maharat al-Quran

Maharat al-Quran akan dipelajari oleh semua pelajar sama ada menengah rendah atau menengah tinggi mengikut sukatan yang di buat oleh KPM sendiri. Maharat al-Quran bermaksud kemahiran al-Quran yang dibahagikan kepada 6 bahagian utama dalam pembelajaran al-Quran iaitu tilawah, adab al-Quran, tajwid, manhaj Qiraat, amali Qiraat dan rasm uthmani. Kesemua ini akan diterapkan kepada pelajar-pelajar sebagai asas pengajian al-Quran dan Qiraat sebelum mereka melangkah jauh ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang

ini. Bagi manhaj Qiraat dan amali Qiraat hanya akan dipelajari oleh tingkatan 4 dan 5 manakala ilmu rasm uthmani pula dipelajari oleh tingkatan 5 sahaja.

### **Rangkaian Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR)**

Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan sudah mempunyai 5 buah sekolah yang telah beroperasi sehingga tahun 2024. Sekolah ini juga tidak bercampur antara lelaki dengan perempuan yang mana tiga buah sekolah hanya menerima pelajar lelaki dan selebihnya hanya menerima pelajar wanita. Berikut adalah perincian SMTDR mengikut tahun pembinaan.

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jantina</b>	<b>Tahun</b>
1	SMTDR Daerah Manjung	Lelaki	2010
2	SMTDR Daerah Batang Padang	Wanita	2012
3	SMTDR Daerah Lenggong	Lelaki	2012
4	SMTDR Daerah Kerian	Wanita	2012
5	SMTDR Daerah Tambun	Lelaki	2023

### **Sumbangan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan SMTDR Pada Negeri Perak**

Umum mengetahui bahawa Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) merupakan sebuah institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri sebagai pusat pendidikan tahfiz. Penubuhan SMTDR merupakan satu inisiatif yang diambil untuk memperkasakan pendidikan agama dengan matlamat melahirkan pelajar huffaz yang profesional di negeri Perak. Menurut laporan Ketua Audit Negara tahun 2021, matlamat untuk melahirkan 100 huffaz dari empat SMTDR setiap tahun masih belum tercapai. Walaupun begitu, peratusan pelajar tingkatan lima yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 2018 hingga 2020 dengan keputusan 5A ke atas menunjukkan prestasi yang cemerlang. Tambahan pula, peratusan pelajar SMTDR yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara adalah di antara 69.6% hingga 99.1% (Informan 3, 2024; Informan 4, 2024).

Majoriti pelajar SMTDR telah berjaya mengkhataamkan 30 juz Al-Quran secara hafazan di peringkat tingkatan 5 sebelum menjalani Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kesemua pelajar SMTDR berjaya menamatkan khatam 30 juz mengikut jadual yang ditetapkan selepas mengikuti silibus KBT yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017. Kejayaan ini diikuti dengan pencapaian yang cemerlang dalam melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terkemuka dalam dan luar negara seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Institut Pendidikan Guru (IPG), serta institusi lain. Selain itu, beberapa pelajar turut memilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tahfiz di institusi seperti Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Negeri Perak (INTIM) peringkat diploma (Informan 1, 2024; Informan 2, 2024).

Terdapat juga pelajar SMTDR telah berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka, sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan. Antara bidang-bidang tersebut termasuklah perubatan, undang-undang, perhotelan, pengurusan syarikat, pengajaran, kepimpinan agama, perniagaan, pentadbiran sumber manusia, perakaunan, dan lain-lain. Tambahan pula, beberapa alumni SMTDR juga telah kembali untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah SMTDR. Selain itu, pada tahun 2016, SMTDR Batang Padang telah dianugerahkan sebagai sekolah terbaik dalam peperiksaan i'dadi dan thanawi di negeri Perak



seperti yang dilaporkan oleh Perak Today dan Berita Harian pada tahun 2016. Pada tahun 2022, SMTDR Batang Padang turut dianugerahkan saguhati dalam majlis anugerah pengurusan skim pinjaman buku teks cemerlang peringkat kebangsaan (Informan 1, 2024; Informan 3, 2024). Seterusnya, alumni SMTDR menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh penambahan ahli al-Quran yang dijadikan sebagai contoh teladan menerusi pembangunan moral dan akhlak yang ada pada diri pelajar al-Quran. Bahkan faedah dan kesan yang positif kepada negeri dan masyarakat apabila ramainya ahli al-Quran muncul dapat memelihara warisan agama, kesejahteraan sosial, penyebaran ilmu al-Quran secara meluas, membentuk budaya membaca dan menghafal al-Quran serta membina komuniti yang lebih teguh dan bersatu dalam agama Islam. Dalam masa yang sama, dapat mempertlihatkan kepada masyarakat di luar sana akan keindahan agama Islam melalui etika dan sahsiah pelajar al-Quran itu sendiri (Informan 2, 2024; Informan 3, 2024) .

Selain itu, sumbangan huffaz yang profesional dalam masyarakat selain mahir dalam ilmu agama, mereka juga hebat dalam ilmu yang berkaitan dengan bidang-bidang dunia seperti ilmu kedoktoran, ilmu komputer dan ilmu teknologi yang semakin hari semakin canggih mengikut peredaran zaman. Malahan para huffaz menjadi pemacu kepada inovasi dan pembangunan sumber manusia yang berkualiti. Lebih-lebih lagi, dapat membantu negeri dalam pembangunan ekonomi negeri dan penyelesaian masalah kerajaan negeri yang kompleks yang memerlukan kecekapan, cerdas dalam menganalisis dan mencari penyelesaian yang berkesan. Selain daripada itu, sumbangan dalam perkembangan ilmu al-Quran menjadikan masyarakat memahami ilmu al-Quran dengan lebih mendalam seperti pendedahan ilmu-ilmu Qiraat yang mempunyai pelbagai kaedah pembacaannya (Informan 1, 2024; Informan 4, 2024). Kesimpulannya, sumbangan pelajar tahfiz terhadap negeri Perak merangkumi beberapa aspek penting seperti pemeliharaan budaya dan agama, pendidikan berkualiti, kesejahteraan sosial, pembangunan ilmu pengetahuan dan teknologi, serta penjagaan keseimbangan antara agama dan sains. Melalui faktor-faktor yang disebutkan ini, masyarakat dapat dibentuk yang berdedikasi, progresif, saling menghormati, dan memegang teguh nilai-nilai Islam.

### **Kesimpulan**

Perkembangan tahfiz semakin hari semakin meluas dengan permintaan luar biasa terhadap sekolah yang berteraskan pendidikan tahfiz. Namun begitu, secara realiti, institusi tahfiz memerlukan sokongan dan kerjasama dari semua dalam memainkan peranan penting terhadap pelajar yang menceburi bidang tahfiz. Sokongan daripada semua pihak akan memberi nilai tambah dalam pengembangan kurikulum dan institusi tahfiz di Negeri Perak. Penambahbaikan berterusan diperlukan bagi menjamin kualiti huffaz yang dilahirkan dan mampu berdaya saing dan memberikan sumbangan terhadap agama, bangsa dan negara. Kajian ini mencadangkan kajian lanjutan dilakukan kepada alumni SMTDR secara kualitatif bagi melihat sumbangan signifikan alumni SMTDR kepada agama, bangsa dan negara.

## Rujukan

- Ahmad Ahmad Rusdi Dan Jamaluddin Abdul Rahman. (2020). Abu Bakar Al-Baqir: Tokoh Pendidikan Dan Pejuang Kemerdekaan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 18 (1), 93-103.
- Anis Syahirah Fauzan Dan Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan Al-Quran Dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath* 2 (2), 54-59.
- Dayangku Nur Aqilah Awangku Drahman. (2023). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Bagi Subjek Hifz Al-Quran Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Batang Padang, Perak. Kertas Projek, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Wan Marzuki Wan Jaafar Dan Lukman Abd Mutalib. 2019. Cabaran Dalam Pembelajaran Tahfiz Dan Sokongan Yang Diperlukan Oleh Murid Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih Di Malaysia. *Proceedings Of The 6<sup>th</sup> International Conference On Quran As Foundation Of Civilisation*. 8-9 Oktober 2019. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Fawarni Ahmad Dan Zanaton H. Iksan. (2021). Pengintegrasian Bidang Adab Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia. *Sains Insani* 6 (1), 99-104.
- Imas Patmawati, Miftah Nurul Ma'rif, Euis Hayun Toyibah Dan Cici Rasmanah. (2023). Pentingnya Visi, Misi, Dan Tujuan Sekolah. *Jurnal Pelita Nusantara* 1(2), 182-187.
- Ishak Saat Dan Khairi Ariffin, (2022). Kebangkitan Islam Di Malaysia Sebelum Kemerdekaan. *International Journal Of The Malay World And Civilisation* 10 (1), 11-18.
- Jabatan Agama Islam Perak. (2024). Dilayari Pada 26 Mar 2024. Diambil Daripada <https://www.jaipk.edu.my/statistik-institusi-berdaftar-di-bawah-bahagian-pendidikan-2024>
- Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia. (2020). Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Edisi II, Selangor: Penerbit Darul Quran JAKIM
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, Putrajaya: Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia. (2020). Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia : Edisi II, Selangor: Penerbit Darul Quran JAKIM.
- Kamarul Afendey Hamimi, Muhammad Iqbal Samadi Dan Ibrahim Ahmad. (2019) Syeikh Tahir Jalaluddin: Reformis Pendidikan Islam Dan Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1899-1956. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 5 (2), 68-77.
- Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Siri 1. (2021). Pengurusan Sekolah Menengah Tahfiz Negeri Perak. Diambil Daripada <https://lkan.audit.gov.my>
- Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. 2015. Kementerian Pendidikan Malaysia Dilayari Pada 4 April 2024. Diambil Daripada <https://www.bing.com>
- Megat Zulrushdi Fahimudin, Mohd Samsudin Dan Suffian Mansor. (2020). Perak Sebagai Pusat Perdagangan Di Alam Melayu Sehingga Abad Ke-19. *Journal of Social Sciences And Humanities* 17 (8), 246-261.
- Mohd Roslan Mohd Nor Dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib* 6(1), 59-78.
- Mohd Zaini Shafiai. (2022). Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat Dan Penguasaan Bacaan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Perak. Tesis Ph.D, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Muhammad Khairul Firdhaus Abdullah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim Dan Wahyu Hidayat Abdullah. (2018) Peranan Maahad Tahfiz Ad-Din Dalam Melahirkan Huffaz Di Negeri Perak Darul Ridzuan. *Sains Humanika* 10 (3-4), 43-49.

- Muhammad Zaid Shamsul Kamar, Mohamad Redha Mohamad Dan Dr Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran: Satu Pemerhatian. *Jurnal Qiraat* 3 (1), 28-36.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Mohd Rashidi Omar Dan Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz Di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa Dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal* 4 (1), 132-147.
- Muhd Norazam Nordin, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Fatimah Nadirah Mohd Noor dan Azmi Budin. (2018). Sumbangan Syeikh Mohamed Idris Almarbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia. *Jurnal Maw'izah* 1 (1), 15-26.
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah Dan Arieff Salleh Rosman. 2015. Pendidikan Tahfiz Di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. *International Conference On Islamic And Social Entrepreneurship*. Oktober 2015. *Resort World Langkawi*, Tanjung Malai, Malaysia.
- Norazman Alias. (2020). Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Selangor: Penerbit Darul Quran JAKIM.
- Nur Atiqah Tang Abdullah Dan Ong Puay Liu, (2018). Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan Dan Masyarakat Majoriti Minoriti Di Malaysia. *International Colloquium On Integration Platform*. November 15. Hotel Bangi-Putrajaya.
- Perak Today (2016, 10 Mac), <https://Peraktoday.Com.My/2016/03/Smtdr-Batang-Padang-Dinobatkan-Sekolah-Terbaik-Peperiksaan-Idadi-Thanawi/>
- Sharaani Ismail. (2017,10 Februari) SMTDR Batang Padang Terbaik I'dadi Thanawi 2016. BH; <https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/2643/2017/02/246539/Smtdr-Batang-Padang-Terbaik-Idadi-Thanawi-2016>
- Solahuddin Ismail. (2018) Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model. Muzakarah Institusi Tahfiz Negara. November 2018. Kompleks Dakwah Darul Muradha, Sungai Petani, Kedah.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. 2021. Tuan Guru Haji Othman Qarib: Tokoh Ulama Perak Dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Talaqqi Dan Dakwah. Kertas Kerja E-Prosiding 2021. Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains 2021. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan.

### Temubual

- Informan 1. (2024). Sumbangan SMTDR Pada Perkembangan Tahfiz Negeri Perak. Temu Bual Atas Talian 28 Mac 2024. 3.00 Petang.
- Informan 2. (2024). Sumbangan SMTDR Pada Perkembangan Tahfiz Negeri Perak. Temu Bual Atas Talian 28 Mac 2024. 5.00 Petang.
- Informan 3. (2024). Sumbangan SMTDR Pada Perkembangan Tahfiz Negeri Perak. Temu Bual Atas Talian 28 Mac 2024. 4.00 Petang.
- Informan 4. (2024). Sumbangan SMTDR Pada Perkembangan Tahfiz Negeri Perak. Temu Bual Atas Talian 4 April 2024. 9.30 Pagi.